

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

EUP 212 - Jurutera Dalam Masyarakat

Masa [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **2 muka surat bercetak** dan **TUJUH (7) soalan** sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

JAWAB LIMA SOALAN SAHAJA.

Agihan markah bagi tiap soalan diberikan di sisi sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab kesemua soalan di dalam Bahasa Malaysia.

1. Perihalkan sejarah perbangunan Malaysia bermula dari sebelum merdeka sehingga kini. Terangkan dasar-dasar serta perancangan pembangunan yang telah diwujudkan sepanjang jangka waktu yang anda nyatakan. (20 markah)
2. Senaraikan 7 langkah menyelesaikan masalah mengikut urutannya serta bincang secara ringkas 3 langkah pertama. (20 markah)
3. Bincangkan 2 tata kelakuan profesional daripada Peraturan di dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967. (20 markah)
4. Senaraikan:
 - (a) Proses kawalan.
 - (b) Ciri-ciri strategi.
 - (c) Alasan kenapa organisasi diperlukan.
 - (d) Halangan kepada berfikir secara kreatif.
 - (e) Fungsi-fungsi Lembaga Jurutera Malaysia.(20 markah)
5. Pengurusan sesebuah organisasi mempunyai, secara amnya, empat proses. Terangkan proses-proses tersebut dengan mengaitkan peranan pengurus yang akan melaksanakan tanggungjawab itu. (20 markah)
6. Banyak pendapat yang diutarakan mengenai perbezaan antara pengurus dan pemimpin. Bincangkan perbezaan yang dimaksudkan itu serta apakah ciri-ciri pemimpin yang berkesan. (20 markah)
7. Gariskan secara umum dan ringkas tujuan dan isi kandungan Akta Pekerjaan 1955. (20 markah)